

**IMEJ KOTA DALAM SASTERA: SUATU ANALISIS
TERHADAP KARYA SASTERAWAN NEGARA
MUHAMMAD HAJI SALLEH**

AWANG AZMAN BIN AWANG PAWI

**LATIHAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SASTERA DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

1998

805862

rb.
f PL5131
A995
1998




UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU


oleh

AWANG AZMAN BIN AWANG PAWI

Latihan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi


Penyella

25.2.98
Tarikh


Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

26 Februari '9
Tarikh

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa semua hasil kerja latihan ilmiah ini merupakan hasil kerja saya sendiri. Beberapa hasil nukilan orang lain yang digunakan dalam latihan ilmiah ini telah dinyatakan secara jelas berkenaan dengan sumber rujukannya

25 hb Febuari 1998

**Awang Azman Bin Awang Pawi
41110**

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Segala pujian dan syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T. yang telah melimpahkan nikmat dalam menyalurkan idea-idea dari kalimah-Nya, di samping mengurniakan keupayaan dan sudut fizikal, rohani dan mental dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Alhamdulillah penulisan latihan ilmiah berjaya juga diusahakan dengan usaha yang berterusan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Muhammad Haji Salleh yang sudi membimbing, memberi teguran, nasihat, dan perangsang amat saya hargai dan semoga saya menjadi murid yang tidak melupakan budi dan jasa gurunya. Saya berharap kajian kecil ini sebagai setitis penghargaan kepada beliau sempena genap umur persaraan di Jabatan Persuratan Melayu. Juga, cik Mawar Shafie, penolong pensyarah yang sudi membaca draf awal, juga Dr. Othman Puteh, Dr. Sahlan, Dr. Siddiq Fadhil, Dr. Ungku Maimunah, Dr. Rosnah, Dr. Shafie Abu Bakar yang tidak pernah jemu mencurahkan ilmu dan pandangan sepanjang sesi pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Istimewa kepada keluarga yang tidak pernah putus berdoa akan kejayaan anakanda ini; bonda Fatimah Sahari, ayahanda Awang Pawi bin Pengiran Anis, adik Awang Zaina Abidin, abang Awang Putara serta kakak Dayang Norilila yang sentiasa memerhat perkembangan dari semasa ke semasa. Semoga keluarga kita dirahmati dan diberkat Allah S.W.T. sentiasa. Akhir kata buat teman-teman yang sentiasa memberi dorongan dalam bentuk yang tersendiri. Terima kasih atas jasa anda semua.

Sekian, Wassalam.

AWANG AZMAN BIN AWANG PAWI
Lot 932 Jalan Helang
Kampung Semerah Padi Baru,
93050 Kuching Utara
Sarawak.

K2D303
Kamsis Dato Onn
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis imej-imej kota dalam karya Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh. Di antara aspek yang dikaji ialah latar belakang pengarang, definisi dan konsep kota, kota sebagai latar kehidupan, wajah kota suatu persepsi landasan kepenyairan dan latar sastera. Selain itu akan dibuat analisis terpilih karya-karya yang dianggap signifikan bermula dari karya terawal beliau yang boleh dikatakan tidak disentuh oleh peneliti sastera sebelum ini sehinggalah ke tahap karya mutakhir yang dihasilkannya. Seterusnya, untuk menjejak imej-imej kota secara teratur serta terarah, ciri-ciri bahasa kota akan dikaji dan diaplikasikan pula dalam karya bagi mendapatkan ciri-ciri bahasa kota dalam karya-karya beliau. Berdasarkan kajian serta penelitian dibuat kita boleh merumuskan bahawa Muhammad Haji Salleh adalah penyair kota yang menggunakan kota sebagai alat penyampaian fikirannya dan menilai kota secara lebih adil dan bertimbang tara.

ABSTRACT

The purpose of this study is to analyze the city images in the poetry by one of the National Literary holder, Muhammad Haji Salleh. The aspects that had been studied are the author back ground, definition and city concept, city as a back ground life and live, imagery as a basically perception of the poet and the literary back ground. Besides that, the selected significance poetry from his early poetry until the latest one also had been studied. Then, to make the city images become systematically and fungsionaly, the city language characteristics in his poetry also analyzed. From all the observation, discussion and argumentative, we can conclude that Muhammad is a city poet and makes the city as an instrument to bring out his mind. He also judges the city image in a quite fairly and arbitrarily way than other poets in Malaysia.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK (BAHASA MALAYSIA)	iii
ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)	iv
KANDUNGAN	VI-VII
BAB 1 Pengenalan dan Latar Kajian	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	7
1.3 Kaedah Kajian	10
1.4 Skop Kajian	13
1.5 Rasional Kajian	16
1.6 Kajian Lepas	19
1.7 Kesimpulan	23
BAB 2 Konsep Kota	
2.1 Definisi dan Konsep kota	24

2.2	Kota Sebagai Latar Kehidupan	29
2.3	Wajah Kota: Sebuah Latar Sastera	37
2.4	Wajah Kota: Sebuah Persepsi dan Landasan Karya	42
2.5	Kesimpulan	45

Bab 3 Legaran Imej dan Pengaruh Kota

3.1	Definisi Imej dan Pengaruh	46
3.2	Latar Bab	47
3.3	<i>Seven Poet of Singapore and Malaysia</i>	49
3.4	<i>Sajak-Sajak Pemandang</i>	52
3.5	<i>Buku Perjalanan Si Tenggang 11</i>	57
3.6	<i>Second Tongue</i>	60
3.7	<i>Ini Juga Duniaku</i>	62
3.8	<i>Time and Its People</i>	68
3.9	<i>Sajak-sajak Sejarah Melayu</i>	71
3.10	<i>Dari Seberang Diri</i>	73
3.11	<i>Kalau, atau dan maka</i>	76
3.12	<i>Watak Tenggara</i>	81
3.13	<i>Sebuah Unggun Di tepi Danau</i>	85
3.14	Rumusan dan Pandangan	89

Bab 4 Bahasa kota

4.1	Pengenalan dan Definisi Bahasa kota	91
4.2	Ciri-ciri Bahasa Kota	
	dan Aplikasi Karya	94
4.31	Jelas dan padat	94
4.32	Kurang Sentimen	98
4.33	Bersifat Taakulan	102
4.34	Alat Penyampaian Fikiran	106
4.35	Lebih Rasional	109
4.36	Menggunakan Imej Kota	112
4.37	Kesimpulan	116

Bab 5 Pandangan dan Rumusan Keseluruhan **117**

5.1	Pandangan dan Penilaian	117
5.2	Rumusan Keseluruhan	123

RUJUKAN **127**

LAMPIRAN **132**

BAB 1

Bab 1:

1.1 Pengenalan dan Latar Kajian

Bidang puisi adalah suatu bidang yang meneroka keindahan bahasa dan pada masa yang sama menerapkan pemikiran tertentu di dalam rangkainya. Terdapat beberapa pengertian puisi. Za'ba (1965:28) telah mendefinisikan puisi sebagai;

*karangan berangkap itu ialah karangan yang disusun dengan bahagian-bahagian yang berkerat-kerat dan antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyi rentaknya dan isinya, serta kebanyakan memakai timbangan atau sukatan tertentu.*¹

Terdapat juga definisi puisi mengikut pandangan penyair Inggeris. Wordsworth, penyair Inggeris kurun ke 19, mendefinisikan puisi sebagai luahan perasaan yang melimpah-ruah secara spontan berasal daripada emosi yang dikumpulkan kembali dalam keadaan aman damai sehingga lama-kelamaan kedamaian itu dan menghasilkan

¹ Za'ba, *Ilmu Mengarang Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 28.

emosi yang menjadi bahan renungan, emosi yang sememangnya wujud dalam fikiran.² Manakala S.T. Coleridge pula menyatakan puisi itu adalah perkataan yang terbaik dalam susunan yang terbaik.³ Melalui perbincangan ini didapati bahawa, terdapat pelbagai definisi tentang makna puisi, dan penulis tidak akan membincangkan soal ini secara luas.⁴

Keindahan bidang puisi tidak akan bermakna tanpa dikuatkan gagasan tertentu. Justeru itu kita dapati bahawa kekuatan sajak bukanlah terletak kepada unsur bahasa sahaja malah juga pada pemikiran yang terkandung di dalamnya seharusnya tidak diabaikan oleh penyair. Pada pendapat pengkaji, sajak yang berkualiti sama-sama mementingkan pemilihan kata dan pemikiran.

Pemikiran dalam sesebuah sajak boleh terdiri daripada pelbagai sudut pandangan. Misalnya daripada aspek sosial ialah seperti kemiskinan, penindasan, alam sekitar dan sebagainya sehingga aspek kehidupan yang ideal ataupun yang lebih bermakna lagi. Penyair yang peka terhadap persekitaran akan cepat tersentuh melalui suasana tersebut dan ini akan merangsangkan mereka untuk berkarya.

² D.J Enright and Ernst de Chickera (ed.), 1962, *English Critical Texts: 16 th Century to 20 th Century*, London. OUP. hlm. 180.

³ Muhammad Haji Salleh, *Pengalaman Puisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm.4.

⁴ Definisi oleh Percybysshe Shelly pula ialah sebagai 'the expression of the imagination; and poetry is connate with the origin of man....A poem is the very image of life expressed in its eternal truth...Poetry is the record of the best and happiest moment of the happiest and best mind. *ibid.*, hlm.42.

Kepekaan tentang suasana persekitaran yang digarap dalam karya sebenarnya adalah pandangan pengalaman jujur penyair tentang sesuatu yang dilihat, dirasa, dialaminya dan seterusnya dihayati dan dinilai secara bijaksana oleh penyair. Bertolak dari premis inilah maka tajuk imej kota dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh ini telah dipilih.

Kajian ini bertujuan meninjau imej kehidupan kota pada pandangan penyair yang mempunyai bakat keperibadian yang tersendiri dan di antara penyair mapan di Malaysia. Muhammad pernah dihadiahkan anugerah Sasterawan Negara ke lapan pada tahun 1991.

Muhammad telah melibatkan diri dalam dunia puisi lebih daripada satu dasawarsa iaitu pada akhir tahun 1960-an meskipun beliau telah menulis lebih awal dari tarikh tersebut. Bakatnya pula disedarkan oleh komentar-komentar guru beliau sewaktu dalam tingkatan dua dan setelah berada di Maktab Perguruan Brinsford dan universiti-universiti di tempatnya belajar. Dan tidak ramai yang mengetahui beliau pernah memenangi biasiswa *Wise and Burtler Scholarship* di Malay College pada tahun 1958, berdasarkan peraduan mengarang dan menterjemah. Malah rangsangan yang lebih awal adalah melalui hadiah sebanyak \$5.00 yang diberikan oleh *Utusan Kanak-Kanak* pada tahun 1952 atau 1953 atas sebuah karangan ditulis oleh beliau sewaktu berusia 10 tahun.

Bidang ilmiah yang diceburinya bermula apabila beliau bertugas sebagai tutor, di Jabatan Pengajian Inggeris, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada tahun 1968.

Dan dua tahun kemudiannya Muhammad menjadi pensyarah dan ketua Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris yang pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun yang sama juga beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Michigan, Ann Arbor, di Amerika Syarikat dalam bidang sastera bandingan. Beliau mengajar di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), Universiti Kebangsaan Malaysia selepas mendapatkan ijazah Ph.D pada tahun 1973.

Manakala pada tahun 1976-77 beliau diberi kepercayaan merajui IBKKM dan menjadi ketua Jabatan Persuratan Melayu untuk sesi 1976-77 dan pada masa yang sama menjadi ketua sidang pengarang *Jurnal Budaya Melayu*. Bintang beliau terus berkerlipan apabila dipilih sebagai profesor pelawat di Universiti North Carolina, Raleigh, Amerika Syarikat (1977) dan Sarjana Pelawat dari Asia, Universiti of Michigan, Amerika Syarikat (1981-1982), Ketua Pengarang *Tenggara* (Yayasan Penataran Ilmu:1985), Ketua Jabatan Persuratan Melayu (1990), Sarjana Fulbright, University of California, Berkeley, Amerika Syarikat (1991-92) dan menduduki kerusi Pengajian Melayu yang pertama di Universiti Leiden, Belanda, pada tahun 1993-94.

Di luar universiti, Muhammad terlibat dalam pelbagai bidang yang berkaitan bidang kesusasteraan Melayu. Di antaranya ialah menjadi ahli Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka (1980-84), Ahli Panel Anugerah Sastera Negara (1981-91: menarik diri sebagai Ahli Panel apabila namanya dicalonkan), Ahli Panel Hadiah Sastera Malaysia (1985), Pengerusi Bersama, Perancangan dan Penyelarasan Pengkajian Tamadun Melayu (Persatuan Pengajian Melayu-Kementerian Kebudayaan)

pada tahun 1985. Pengerusi Penyelaras "Comparative Study of the Hero in Southeast Asian Classical Literature", UNESCO.

Sesuatu yang melahirkan rasa kagum penulis terhadap beliau ialah segala ilmu dan pengalaman beliau itu tidak pernah menjadikan beliau mendabik dada riak. Muhammad yang dikenali merupakan seorang yang paling sederhana dalam hidupnya. Hidup dengan taraf intelektual yang tinggi dan perwatakan harian yang *simple* tetap menjadi falsafah diri dalam kehidupannya.

Pada masa sekarang beliau dilantik menganggotai badan menggubal dasar tertinggi universiti, iaitu ahli Majlis dan Senat Universiti Kebangsaan Malaysia dan pada masa yang sama menjadi Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak ramai yang mengetahui keterlibatan beliau dalam banyak hal ini. Kekurangan maklumat ini berlaku disebabkan oleh sikapnya yang kurang bercakap tentang dirinya sendiri agak pendiam tapi gigih bekerja sama ada dalam pentadbiran, mendidik, menyelidik mahupun berkarya.

Hidupnya pula diwarnakan perjalanan hidup yang jauh sama ada menjadi tenaga pengajar di luar negara mahupun digerakkan oleh keinginan diri berkelana untuk meluaskan pandangan hidup. Justeru itu muncullah puisi-puisi beliau semasa di luar negara yang mencetuskan daerah diri di tengah masyarakat asing. Keasingan ini membawa tafsiran hidup dalam diri beliau. Inilah yang terkandung dalam kebanyakan sajak-sajak, dan kehidupan kota berdiri teguh dalam penghayatan alam kepensyairannya.

Keseriusan penglibatan beliau dalam puisi telah mencambahkan karya-karya yang bermutu. Ini dibuktikan dengan penerimaan hadiah-hadiah dalam kesusasteraan misalnya Hadiah Karya Sastera (1973-75), Hadiah Kebudayaan Australia untuk Seniman Asia, Hadiah Karya Sastera Perseorangan (1976) dan menerima Hadiah Sastera ASEAN (1977). Kemuncak penglibatan yang berterusan, sumbangan pemikiran kehidupan, penggarapan karya yang berkesan serta usaha-usaha yang banyak dilaksanakan ke atas pembinaan dan pembangunan sastera kebangsaan telah membuat beliau diiktiraf dan seterusnya dipilih sebulat suara sebagai penerima Anugerah Sastera Negara 1991.

Selain itu, pengalaman dalam dunia akademik yang melebihi 30 tahun tersebut telah meresapi jiwanya. Sehingga kini Muhammad telah menjadi profesor Persuratan Melayu lebih kurang selama 20 tahun (1978-1998), yang juga di antara tokoh akademik dan penyair yang paling kerap diundang sebagai Profesor tamu dan sarjana tamu di luar negara. Sudah semestinya pelbagai rencah kehidupan telah dirasa dan dilalui membentuknya menjadi lebih matang khususnya dalam dunia penulisan yang diceburinya. Segalanya ini mempengaruhi gaya pemikiran beliau dalam mengamati persekitarannya.

Justeru itu, adalah wajar kajian lebih ilmiah dan terperinci untuk difahami, dihayati dan dikupas teliti kehidupan kota dalam pengarapan karya beliau secara teratur dan lebih luas lagi.

1.2 Tujuan Kajian

Selama satu semester pengkuliahan puisi moden dan Melayu moden, pengkaji cuba menggamati lenggok fikir, yang terang-kum inti hidup, perasaan dan gagasan beliau bukan sahaja pada puisi, tetapi juga pandangannya merangkap sarjana besar berdedikasi dan pemikir kehidupan melalui bait-bait puisi beliau. Banyak lagi aspek yang terkandung dalam puisi-puisi beliau masih lagi belum diterokai dan dicari penemuan-penemuan baru untuk diketengahkan.

Di antara aspek yang kurang dikaji ialah tentang kehidupan kota yang banyak terdapat dalam puisi-puisinya sama ada secara langsung ataupun sebaliknya. Kelainan latar belakang, pengalaman, pendidikan penyair tersebut adalah perkara menarik untuk dikaji, kerana sedikit sebanyak cara berfikir, berperasaan, mentafsir kehidupan sudah semestinya digarap rapi dalam menanggapi imej kota secara menyeluruh, sama ada positif atau sebaliknya, mengikut pembahagian tajuk-tajuk yang akan disentuh seperti pengaruh kota dan unsur-unsur bahasa kota yang terdapat dalam karya.

Kota yang dimaksudkan bukanlah sekadar kota di dalam negara, seperti Kuala Lumpur ataupun kota lain-lain di bandar yang terletak di Malaysia. Malah kehidupan kota yang ingin dikesan ialah juga kehidupan kota di luar negara.

Pengalaman mengajar di luar negara seperti di Universiti Michigan di Ann Arbor, Universiti North Carolina di Raleigh, Universiti California, Berkeley, Universiti Koln dan Universiti Hamburg di Jerman dan di Univesiti Leiden, Belanda, telah

mematangkan lagi kehidupannya sebagai sarjana untuk membuat perbandingan kehidupan kota.

Manakala persidangan dan pembentangan kertas kerja di luar negara yang pernah diikuti telah memperluaskan horison kehidupannya secara ilmiah. Muhammad bukan sahaja pernah membentangkan kertas pendapatnya di rantau Asia Tenggara seperti di Indonesia, Filipina, Thailand dan pelbagai kota di tanah airnya sendiri, malah juga di universiti-universiti di Amerika Syarikat, Belanda, Jepun, Jerman, Korea, Portugal, Sweden, United Kingdom dan Itali. (Laporan Anugerah Sastera Negara 1991).

Sudah semestinya pengalaman dan ilmu yang diperolehi digunakan sebaik-baiknya dalam penggarapan puisi beliau sahaja manakala penilaian tentang sesuatu kota akan berlainan dari penyair lain kerana hal ini bergantung kepada pengamatan dan nilai ilmu dan pengalaman yang ada. Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan penyair tentang imej kota dalam puisinya.

Semua puisi yang berkaitan dengan kehidupan kota akan diteliti sama ada secara langsung ataupun hal yang berkaitan dengan kota. Pengamatan inilah yang akan dikaji, tafsir dan dinilai untuk mencari relevansi pada konteks dunia sekarang. Malah dalam beberapa hal, puisi-puisi beliau berdasarkan tafsiran imaginatif ke zaman kota lampau feudal iaitu melalui *sajak-sajak sejarah melayu*.

Selain itu unsur bahasa kota dan kepentingan bahasa atau lebih tepat lagi pemilihan kata (diksi) yang digunakan oleh beliau dalam pengucapan puisi moden dan pengungkapan kata dalam meneroka *sajak-sajak sejarah melayu* akan turut dibincangkan secara lebih mendalam dan menyeluruh dalam kajian ini.

1.3 Kaedah Kajian

Kaedah utama yang digunakan untuk kajian ini ialah resensi perpustakaan yang meliputi Perpustakaan Tun Sri Lanang, perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) perpustakaan Jabatan Persuratan Melayu (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mendapatkan bahan-bahan primer dan sekunder dalam bentuk teks, artikel, buku dan stensilan.

Kaedah ini dipilih kerana bersesuaian dengan penelitian dan analisis yang dibuat. Bahan primer yang digunakan dalam usaha untuk menganalisis dari aspek pandangan beliau ialah kumpulan puisi yang dihasilkan sebanyak 8 buah, termasuk satu kumpulan puisi pilihan.

Di antaranya ialah *sajak-sajak pendatang* (1973), *buku perjalanan si tenggang ii* (1975), *ini juga duniaku* (1977), *time and its people* (1978), *sajak-sajak sejarah melayu* (1981), *dari seberang siri* (1982), *kalau, atau dan maka* (1988), *watak tenggara* (1993), *sebuah ungun di tepi danau* (1996).⁵

Pada perancangan pengkaji, bagi perbincangan yang lebih menyeluruh pengkaji akan berusaha mendapatkan puisi-puisi Inggeris karya Muhammad Haji Salleh yang telah diterbitkan sama ada dalam majalah atau buku. Di antara buku dan majalah yang terkandung puisi beliau ialah *Commonwealth Poems of Today* (1967), *Who Do*

⁵ Pengkaji menggunakan semua huruf kecil pada aksara awal tajuk kumpulan puisinya. Rasionalnya, Muhammad berbuat sedemikian dalam karyanya meskipun ada penerbit yang tidak berbuat seperti sedemikian rupa. Pada pendapat pengkaji, kecenderungan ini berlaku sebagai identifikasi puisi-puisi beliau berbanding dengan penyair lain.

You Think You Are ? Poems About People (1990), *Seven Poets of Singapore and Malaysia* (1973), *The Second Tongue* (1976), majalah *Tenggara*, *The Bulletin* (1965), *Singapore Poetry*, dan *Outside the Museum*.

Selain bahan primer, kajian ini juga memerlukan bahan sekunder seperti ulasan dan tesis serta lain-lain artikel, yang berkaitan dengan imej kota dalam puisi. Ini penting untuk mencari sandaran kukuh, alasan-alasan dan hujah untuk diperbincangkan serta dinilai. Dalam konteks kajian ini, pada Bab 2, pengkaji lebih banyak merujuk kepada buku-buku tentang sosiologi pembangunan, perancangan wilayah, dan geografi. Tujuan penggunaan buku-buku tersebut ialah untuk mencari kelangsungan ketepatan dari aspek definisi dan konsep kota, kota sebagai latar kehidupan dan aspek wajah kota sebagai satu persepsi. Ini bersesuaian dengan konsep pada Bab 2 yang sebenarnya adalah untuk menjelaskan beberapa konsep makna kajian yang ingin dikaji agar kajian tidak akan terpesong daripada konteks lingkungan makna yang sebenarnya.

Kaedah temubual juga dijalankan terhadap penyair yang terlibat. Pengkaji bercadang akan menemubual sendiri Muhammad untuk mendekati lagi suara rasa, inti pati pemikiran, dan yang lebih penting lagi tentang pandangan kota dalam puisi yang dihasilkan.

Pengkaji berpendapat hal ini wajar dilakukan agar penilaian yang akan dibuat akan lebih bertimbangtara. Pandangan Muhammad juga penting untuk mengukuh

pati pemikiran, dan yang lebih penting lagi tentang pandangan kota dalam puisi yang dihasilkan.

Pengkaji berpendapat hal ini wajar dilakukan agar penilaian yang akan dibuat akan lebih bertimbangtara. Pandangan Muhammad juga penting untuk mengukuh dan menjelaskan lagi fakta-fakta dalam karyanya. Justeru itu, makna-makna mengelirukan boleh diperbetulkan dengan seberapa tepat yang mungkin.

Selain itu, temubual dengan beberapa tokoh sastera dan sarjana yang berkaitan juga dilakukan bagi meminta pandangan dunia kepenyairan Muhammad. Pengkaji juga akan berusaha mewawancara tokoh seperti Shafie Abu Bakar dan Siddiq Fadhil bagi mendapatkan pandangan tentang isu-isu berkaitan dengan dunia kepenyairan dan keintelektualan.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada bidang puisi. Fokus kajian adalah imej kota dan hanya difokuskan hanya kepada puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair ini sahaja. Puisi-puisi yang akan dibincangkan akan hanya tertumpu kepada puisi yang berkaitan atau menyentuh tentang kota sama ada yang tersirat mahupun tersurat. Ia merangkumi kota klasik zaman kesultanan Melaka, rumpun kota moden Asia Tenggara, Asia dan Eropah/Amerika.

Meskipun kajian ini lebih menyentuh tentang kota, pengkaji juga akan cuba menjelaskan beberapa kekeliruan yang pernah ditimbulkan oleh Dino SS (*Berita Mingguan*:28 Julai 1992) tentang konsep dan kemungkinan plagiat dalam karya Muhammad Haji Salleh yang pengkaji akan kaitkan dengan kefahaman konsep intertekstualiti itu sendiri. Pendekatan intertekstualiti mungkin masih baru ~~ketika itu~~ dan tidak dimanfaatkan oleh pengkaji ketika itu secara bijaksana.

Apabila kita mengkaji karya Muhammad, tidak dapat tidak sebagai pengkaji pengkaji terpaksa mengupas teliti karya beliau secara berhati-hati. Pasti, pengkaji merasakan tidak dapat mengelakkan dari pengklasifikasian karya Muhammad yang disifatkan sebagai karya intelektual yang pernah disanggah beberapa tokoh seperti A. Rahim Abdullah. Justeru itu, pengkaji akan membincangkan definisi, konsep dan ciri-ciri intelektual sebenarnya yang merujuk kepada pandangan sarjana dan ensiklopedia untuk mendekati dan 'melandasari' persoalan sama ada ia memenuhi kriteria tersebut atau sebaliknya. Pada pendapat pengkaji, inilah akar perbincangan yang kurang dikaji